

SR/07/01/2023

ISNIN, 16 JANUARI 2023

Timbalan Menteri Kesihatan turun padang

KUCHING, 16 Jan – Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni turun padang dalam siri lawatan kerjanya bagi melihat keadaan klinik-klinik kesihatan seluruh Sarawak dan menilai keperluan serta memastikan permohonan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ia bertujuan mendapatkan peruntukan khusus bagi penambahbaikan klinik-klinik kesihatan merangkumi kategori daif atau klinik yang berfungsi tetapi memerlukan aset-aset bagi memudahkan proses rawatan kepada pesakit.

“Kami telah menerima kertas kerja daripada pihak kesihatan negeri berkaitan perkhidmatan talian internet berasaskan satelit untuk disediakan di klinik-klinik kesihatan kawasan luar bandar bagi menyediakan perkhidmatan visual ataupun melalui televideo untuk membuat diagnostik kesihatan.

“Kertas kerja tersebut turut dibentangkan kepada Menteri sebentar tadi dan pihak kami akan mengadakan perbincangan antara kementerian terutamanya Kementerian Komunikasi Digital (KKD) untuk mendapatkan satu perkhidmatan yang dapat disediakan bagi membantu pihak KKM menyediakan perkhidmatan ini di klinik-klinik kesihatan,” ujarnya semasa lawatan kerja ke Klinik Kesihatan Bako pagi tadi.

KKM juga akan menyelesaikan beberapa keperluan-keperluan asas terutama sekali kerosakan kecil dan berharap agar pembentangan bajet oleh Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dapat memberikan tumpuan khusus kepada klinik-klinik di seluruh Malaysia.

Keutamaan akan diberikan kepada Sabah dan Sarawak memandangkan klinik yang rosak dan usang kebanyakannya terletak di dua negeri ini.

Klinik Bako terus menjadi tumpuan meskipun ia berusia hampir lebih 20 tahun beroperasi memerlukan perancangan masa hadapan, Lukanisman yakin Ahli Dewan Undangan Negeri dan Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar Sarawak, Dr Hazland Abang Hipni akan memberi perhatian selain perancangan teliti berkenaan hala tuju kesihatan bagi masyarakat yang berada di Parlimen Santubong juga DUN Demak Laut.

Lukanisman turut memaklumkan Menteri Kesihatan Malaysia, Dr Zaliha Mustafa dan KKM sedang meneliti berkenaan projek-projek sakit seluruh negeri dan banyak hospital dan fasiliti KKM akan dilancarkan seperti Klinik Bandaraya Miri, Klinik Siburan dan Klinik Sri Aman melibatkan kemasukan staff baharu.

Menerusi proses Rancangan Malaysia juga, KKM bersama ADUN mempunyai perancangan dengan mengenalpasti tapak tanah untuk dibangunkan bagi tujuan pembangunan fasiliti kesihatan namun setakat ini mengikut bajet dan Rancangan Malaysia kita belum lagi ada perancangan pembangunan tetapi masih dalam fasa mengenalpasti dan melakukan 'mapping' di seluruh Sarawak untuk mengenalpasti potensi-potensi tapak tanah yang dapat dibangunkan.

KKM akan melancarkan Kertas Putih dan kerajaan Sarawak menyertai satu permintaan dan tuntutan berkaitan dengan MA63 iaitu penurunan kuasa, penggunaan bajet yang diturunkan daripada Persekutuan ke Negeri untuk diuruskan sendiri serta dasar yang boleh memilih dan menentukan berapakah keperluan klinik, pembangunan dan juga staff yang boleh ditentukan kita sendiri (Devolution of Power).

"Kertas Putih ini akan dibentangkan di parlimen bagi menentukan dasar dan polisi baru KKM yang turut menyediakan format dan formula apakah bentuk 'financial healthcare' yang membolehkan kita membina lebih banyak fasiliti kesihatan dan 'Key Component'

Kertas Putih ini adalah menerusi kerjasama sektor swasta dan awam tentang penyediaan kemudahan bagi mengurangkan kesesakan hospital awam dan kertas putih tersebut akan menjadi rujukan untuk perancangan akan datang dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan efisien,” tambah Lukanisman.

Menyentuh soal projek sakit seperti Hospital Lawas, Hospital Lubok Antu yang akan terus diberi perhatian malah bagi Hospital Petrajaya, pihak KKM telah melantik kontraktor penyelamat dan sekarang projek tersebut telah dijadualkan semula iaitu sebulan lebih awal bagi mengurangkan kesesakan di Hospital Umum Sarawak yang dijangka akan siap sepenuhnya pada 2025 dan krisis tenaga kerja juga akan dipulihkan setelah keadaan pandemik semakin baik.

Pemilihan kontraktor juga ditekankan memandangkan banyak kontraktor yang gagal melaksanakan projek mengikut jadual yang telah ditetapkan malah KKM berhasrat mengurangkan tempoh menunggu di kesemua hospital seluruh negara dengan formula-formula yang telah dibincangkan dan penyelesaian tersebut pastinya mengambil masa setidaknya selesai dalam tempoh 100 hari ini nanti.

Bajet untuk kesihatan awam di Malaysia masih rendah berbanding dengan bajet-bajet yang lain.—TAMAT—

Disediakan oleh: Joshua Amir Sibat (BMKK)

Jurufoto: Jaed Tepus (BKVS)

Keterangan Gambar:

F1 dan F3: Lukanisman semasa sesi sidang media usai lawatan kerja ke Klinik Kesihatan Bako.

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Tingkat 1, Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako

Petrajaya 93050, Kuching, Sarawak

Tel : (08) 2319 700 Fax : (08) 2319 711 e-mel : pensarawak@inform.gov.my

F2 & F4 – F12 : Lukanisman semasa mengadakan lawatan kerja di Klinik Kesihatan Bako sambil menyantuni pengunjung.